



PERBADANAN LABUAN

PETI SURAT 81245

87022 W.P. LABUAN

NO. SEBUT HARGA : PL/(S)70/2014(JHEK)

TARIKH : 04 OGOS 2014

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa untuk kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia / Perbendaharaan Malaysia Sabah dalam Kod Bidang 221601 (Mencetak Buku, Majalah, Laporan Akhbar)** yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi perolehan berikut:

“MEREKA LETAK, MENCETAK DAN MENGHANTAR BUKU LAPORAN TAHUNAN PERBADANAN LABUAN 2013”

2. Dokumen sebut harga berharga **RM 5.00** (tidak dikembalikan) boleh dibeli semasa waktu pejabat di **Kaunter Bayaran, Tingkat 1, Wisma Perbadanan Labuan** mulai **06.08.2014** sehingga **12.08.2014**. Dokumen sebut harga tidak akan dijual selepas tarikh yang dinyatakan.
3. Kontraktor dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran **ASAL** yang masih sah tempohnya **BESERTA SATU SALINAN** dari **Kementerian Kewangan Malaysia / Perbendaharaan Malaysia Sabah** sebelum dibenarkan mengambil dokumen sebut harga. **Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya.**
4. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut harga No. 1 di Tingkat 2, Wisma Perbadanan Labuan** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari** pada **13.08.2014**. Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
5. Perbadanan Labuan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebarang sebut harga. Semua perbelanjaan bersabit dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab kontraktor sendiri dan bayaran pembelian dokumen sebut harga tidak akan dikembalikan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(NORINA @ MORIN IGNATIUS BEATTY)

b.p Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Labuan